



“Hingga kini, saya masih lagi mendapatkan bimbingan daripada Ustaz Fauzi Muhammad Qayyim Nizar”

## Celik hati baca al-Quran

■ Muhammad Qayyim diundang perdarog bacaan pada majlis penutup Tilawah di Turki

mengaji menggunakan al-Quran jenis Braille selepas matanya tidak dapat melihat. Muhammad Qayyim Nizar mengalami kecacatan penglihatan sejak dilahirkan, tetapi Allah SWT menghadiahkannya kebolehan menghafaz dan mengaji al-Quran dengan baik hingga menjadi johan dalam Pertandingan Tilawah al-Quran Peringkat Kelantan, tahun ini.

Ia sekali gus membolehkan anak sulung daripada enam beradik itu mewakili Kelantan ke pertandingan peringkat kebangsaan, April lalu dan memperoleh tempat ketiga.

Pada Mei pula, pemuda ceking ini diundang memperdengarkan bacaan kalam suci dalam Majlis Penutup dan Penyampaian Hadiah Tilawah al-Quran Peringkat Kebangsaan di Ankara, Turki.

Muhammad Qayyim Nizar berkata, sejak berusia empat tahun dia menunjukkan minat untuk mendalami al-Quran dan ketika itu dia kerap mendengar bacaan ayat suci menerusi pemain cakera padat.

Katanya, bapanya, Sarimi Yusoff, 52, dan ibu, Rozan Muhammed, 44, banyak memberi pendedahan awal kepadanya untuk mendalami al-Quran.

“Ketika di Sekolah

Kebangsaan Kampung Sireh, di sini, saya mula belajar menggunakan al-Quran Braille daripada tidak tahu apa-apa hingga mahir.

Sejak itu, saya kerap berlatih mengaji, tarannum dan bacaan yang betul untuk membolehkan memasuki pertandingan. Saya juga menyertai pertandingan azzan dan nasyyid hingga ke peringkat kebangsaan.

“Walaupun ada kekurangan pada diri, ia bukan penghalang. Lagipun saya memang minat dengan bidang keagamaan,” katanya ketika ditemui di rumahnya di Kadok, di sini.

Menurutnya, bakat mengajinya dikesan Ustaz Fauzi Awang ketika di darjah tiga sebelum dididik untuk mengaji seperti seorang qari.

“Hingga kini, saya masih lagi mendapatkan bimbingan daripada Ustaz Fauzi dan dua lagi bekas qari Majlis Tilawah al-Quran Peringkat Antarabangsa yang berasal dari Kelantan iaitu Ustaz Abd Rahim Ahmad dan Ustaz Yahya Daud.

“Pencapaian tertinggi yang saya peroleh mewakili Kelantan ke pertandingan Majlis Tilawah dan Menghafaz al-Quran Peringkat Kebangsaan 2017, April lalu,” katanya.

MUHAMMAD Qayyim Nizar membaca al-Quran Braille.

Muhamamad Razis Ismail  
razis@hmetro.com.my

### Kota Bharu

Mendengar bacaan ayat suci al-Quran yang penuh penghayatan, lengkap dengan tarannum dan tajwid jelas, pasti ramai menduga suara itu daripada qari bertaualiah ber taraf antarabangsa.

Namun, siapa sangka pemilik suara itu sebenarnya Muhammad Qayyim Nizar Sarimi yang hanya berusia 19 tahun.

Dia juga istimewa kerana



MUHAMMAD Qayyim Nizar bersama keluarga.